

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020 BAGI
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI DAN JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT				
1	Hari Informasi (<i>Information Day</i>)	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Memberigakan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan JPD kepada orang ramai • Memberi peluang kepada orang ramai mendapatkan maklumat lanjut dan lebih jelas mengenai perkhidmatan-perkhidmatan JPD • Mengeratkan hubungan silaturrahim antara pegawai-pegawai dan kakitangan JPD dengan orang ramai dalam suasana harmoni dan muhibbah 	<ul style="list-style-type: none"> • Hari Informasi JPD diadakan di ruang legar, Ibu Pejabat JPD, Gadong dan diselenggarakan dengan sambutan Hari Raya JPD bersama para pelanggan • JPD mengadakan Hari Informasi dengan memberigakan maklumat mengenai perkhidmatan-perkhidmatan JPD serta memberi peluang kepada orang ramai mendapatkan penerangan lebih jelas mengenai perkhidmatan yang ingin mereka ketahui • Perkhidmatan utama yang diberigakan termasuk Urustadbir Pengurusan Bilangan Pendaftaran Kenderaan atau Tanda Pengenal Kenderaan dan, perkhidmatan serta <i>online</i> Perkhidmatan Teknikal, Pendaftaran dan Perlesenan Kenderaan
2	Pengemaskinian Urustadbir Pengurusan Bilangan Pendaftaran Kenderaan (Tanda Pengenal Kenderaan)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Memudahcara urusan orang ramai dalam mendapatkan bilangan pendaftaran kenderaan • Memberikan perkhidmatan yang lebih telus, saksama, sistematik dan teratur 	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melaksanakan langkah ke arah memantapkan urustadbir pengurusan bilangan pendaftaran kenderaan (Tanda Pengenal Kenderaan) • Pengemaskinian dasar bilangan pendaftaran kenderaan dilaksanakan di peringkat awal dengan pengemaskinian syarat-syarat tawaran bilangan pendaftaran kenderaan bermula dengan siri BAW serta bilangan pendaftaran kenderaan yang ditawarkan semula bagi siri-siri sebelum dan selepas BAW
3	Transaksi Pembayaran Tanpa Wang Tunai	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Memudahcara urusan orang ramai • Menyediakan jaminan keselamatan dan mengurangkan ketidakelesaian orang ramai yang menguruskan pembayaran terutama dengan jumlah wang tunai yang banyak • Menggalakkan orang ramai agar cenderung membuat transaksi pembayaran tanpa wang tunai • Sebagai salah satu inisiatif meningkatkan mutu perkhidmatan JPD melalui penggunaan kemudahan digital sesuai dengan perkembangan Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) 	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi sukacita memaklumkan kepada orang ramai bahawa bermula 17 Februari 2020, JPD telah memperkenalkan kemudahan pembayaran tanpa wang tunai di kaunter-kaunter perkhidmatan di bangunan Ibu Pejabat JPD, Gadong • Orang ramai khususnya para pelanggan JPD sekarang mempunyai pilihan dan dialu-alukan untuk membuat transaksi pembayaran tanpa wang tunai menggunakan kad-kad kredit atau debit di kaunter-kaunter Membarui Lesen Kenderaan dan Lesen Memandu, Kaunter Tukar Milik dan Kaunter Pendaftaran Bilangan atau Tanda Pengenal Kenderaan di bangunan Ibu Pejabat JPD, Gadong

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020 BAGI
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI DAN JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
4	Aplikasi Mudah Alih TransportBN (TransportBn Mobile App)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Memudahkan orang ramai mengetahui sebarang Mata Demerit melalui SiKAP dan mengetahui kesalahan memandu berkaitan jika ada • Mendapatkan maklumat mengenai laluan dan kod-kod bas awam di Negara ini • Memudahkan orang ramai dan para pelancong memperoleh senarai nama dan menghubungi pemandu teksi bermeter di negara ini • Sebagai pilihan orang ramai juga boleh membaharui Lesen Kenderaan dan Lesen Memandu tanpa perlu datang ke kaunter-kaunter perkhidmatan JPD dan Pejabat-Pejabat Pos • Mengurangkan masa menunggu orang ramai daripada berurusan terus ke kaunter-kaunter membaharui Lesen Kenderaan dan Lesen Memandu di JPD dan Pejabat-Pejabat Pos terutama semasa waktu-waktu puncak • Meningkatkan mutu perkhidmatan yang disediakan oleh jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan pihak berkuasa yang berkaitan dengan pengangkutan darat, udara dan laut 	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) memperkenalkan Aplikasi Mudah Alih TransportBN (TransportBN Mobile App) melalui penggunaan kemudahan Teknologi Info-Komunikasi (ICT) • Bagi para pengguna Android, boleh memuat-turun 'Aplikasi Mudah Alih TransportBN' melalui Google Play. Manakala para pengguna iOS pula boleh memuat-turun melalui App Store • Aplikasi Mudah Alih TransportBN menyediakan fungsi-fungsi termasuk Sistem Keselamatan Amalan Pemandu (SiKAP), Bas Awam, Teksi, Membaharui Lesen Memandu dan Lesen Kenderaan
5	Stesen Pemeriksaan Kenderaan (<i>Vehicle Inspection Station</i>) Beroperasi di Daerah Belait	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Memberikan pilihan dan kemudahan kepada orang ramai khususnya penduduk-penduduk di Daerah Belait membuat pemeriksaan kelayakan kenderaan untuk kenderaan persendirian berumur tujuh (7) dan ke atas serta kenderaan-kenderaan berat yang tersebut di atas. • Membukakan peluang perniagaan kepada syarikat-syarikat di Daerah Belait yang berminat dan berkelayakan untuk memberi perkhidmatan yang sama di Daerah Belait. 	<ul style="list-style-type: none"> • Dua (2) Stesen Pemeriksaan Kenderaan (<i>Vehicle Inspection Station</i>, ringkasnya VIS) iaitu JYM Company Sendirian Berhad dan HB Auto Inspection and Service Centre Sendirian Berhad berdaftar di bawah Jabatan Pengangkutan Darat kini beroperasi di Daerah Belait. • JYM Company Sendirian Berhad bertempat di Kuala Belait memulakan operasinya pada 11 Mac 2019 dengan menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan pemeriksaan terhadap: kenderaan persendirian berumur 7 tahun dan ke atas; kenderaan berat 3,629 kg atau 4 ton ke bawah; kenderaan berat tidak lebih 18,000 Kg.; dan pemeriksaan kenderaan perkhidmatan awam. • Sementara HB Auto Inspection and Service Centre Sendirian Berhad di Seria yang telah beroperasi sejak 14 Ogos 2018 telah dinaiktaraf untuk mengendalikan pemeriksaan kelayakan kenderaan persendirian dengan kebenaran tambahan mengadakan pemeriksaan kenderaan berat 3,629 kg atau 4 ton ke bawah dan pemeriksaan kenderaan perkhidmatan awam bermula 08 Mac 2019. • Dengan beroperasinya 2 pemeriksaan kenderaan di Daerah Belait, semua perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang dinyatakan di atas tidak lagi dikendalikan oleh Jabatan Pengangkutan Darat Cawangan Kuala Belait, di mana mulai 25 Mac 2019, JPD cawangan Kuala Belait hanya mengendalikan pemeriksaan-pemeriksaan teknikal dan penguatkuasaan sahaja.

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020 BAGI
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI DAN JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
6	Sidang Media Bersepadu Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Pasukan Polis Diraja Brunei Dan Jabatan Pengangkutan Darat Mengenai Kejadian Kebakaran Kenderaan	Pelakuan Organisasi	<p>Menasihatkan orang ramai khususnya para pemilik dan pemandu kenderaan bermotor di Negara ini untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menghentikan sebarang pengubahsuaian terhadap bentuk asal kenderaan. • Tidak membuat pengubahsuaian sistem pendawaian elektronik secara sembarangan. • Elak mendapatkan khidmat mekanik yang tidak bertauliah untuk mengubahsuaikan kenderaan dan sistem pendawaian. • Melakukan pemeliharaan terhadap enjin dan sistem kenderaan mengikut tatacara yang betul dan mengikut tempoh waktu yang ditetapkan untuk penyelenggaraan (<i>periodical servicing</i>). • Memastikan mekanik bertauliah memeriksa sistem pendawaian elektrik, enjin dan sistem bahan api serta alat-alat meknikal kenderaan dengan sempurna bertujuan untuk mengesan sebarang kerosakan atau kebocoran kenderaan; • Elak membiarkan enjin kenderaan yang hidup terlalu lama lebih-lebih; • Jangan meninggalkan harta benda di dalam kenderaan terutama yang boleh menyebabkan kebakaran seperti power bank; dan • Menyarankan orang ramai untuk membuat pemeriksaan kenderaan persendirian mereka yang berumur 7 tahun dan ke atas di Stesen-Stesen Pemeriksaan Kenderaan atau <i>Vehicle Inspection Station (VIS)</i> yang dilantik oleh JPD. 	<ul style="list-style-type: none"> • Insiden kebakaran kenderaan yang kerap terjadi di Negara ini begitu membimbangkan bukan sahaja JPD malahan juga pihak-pihak berkuasa berkaitan dengan isu kebakaran kenderaan iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat, serta Pasukan Polis DiRaja Brunei. • Maka ketiga-tiga agensi kerajaan tersebut telah sepakat mengadakan sidang media bersepadu untuk mencegah kejadian kebakaran kenderaan dari terjadi lagi.
JABATAN KAJICUACA				
7	Pantauan Cuaca Brunei	Struktur Organisasi	-	-
8	Taklimat Cuaca Kebangsaan (<i>National Weather Briefing</i>)	Pelakuan Organisasi	-	-
PUSAT KEBANGSAAN E - KERAJAAN				
9	Pengiktirafan ISO bagi Perkhidmatan TD123 ISO 9001 2015 dan ISO 18295-1:2017	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan kepuasan pelanggan • Memberi jaminan perkhidmatan yang konsisten dan boleh dipercayai pelanggan • Menyediakan <i>framework</i> bagi pusat panggilan pelanggan untuk menyediakan perkhidmatan yang berterusan kepada pelanggan. 	<p>ISO 9001:2015 adalah khusus untuk keperluan bagi sistem pengurusan kualiti sebuah organisasi:</p> <ol style="list-style-type: none"> Berkeupayaan untuk menyediakan secara konsisten produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan pelanggan serta keperluan undang-undang dan peraturan Berhasrat untuk meningkatkan kepuasan pelanggan melalui sistem aplikasi yang efektif, termasuk proses bagi penambahbaikan sistem dan juga <i>assurance of conformity</i> kepada pelanggan serta keperluan undang-undang dan peraturan <p>ISO 18295-1:2017 adalah khusus untuk keperluan perkhidmatan bagi pusat panggilan pelanggan (CCC).</p> <ol style="list-style-type: none"> lanya menyatakan <i>framework</i> bagi setiap CCC yang berhasrat untuk menyediakan perkhidmatan yang berterusan kepada pelanggan dan proaktif didalam memenuhi keperluan pelanggan

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020 BAGI
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI DAN JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
				<p>ii. Ianya juga boleh digunakan bagi kedua-dua CCC dalaman dan sumber luar (pengendali pihak ketiga) merentasi semua saiz, kesemua sektor dan semua saluran interaksi, termasuklah panggilan keluar dan masuk</p> <p>iii. Ianya juga menggariskan matriks prestasi (Petunjuk Prestasi Utama - KPI) apabila diperlukan.</p>
10	Penghasilan Kertas Penyelidikan Bersama Pihak UBD	Pelakuan Organisasi	<p>Dengan adanya penglibatan di dalam persidangan, ianya dihasratkan akan dapat membuka lagi peluang untuk menarik pengkaji-pengkaji yang lain bagi melaksanakan kajian ke atas perkhidmatan ini serta ianya dapat mendedahkan mengenai kejayaan pelaksanaan perkhidmatan ini.</p> <p>Penghasilan kertas kajian ini juga dapat meningkatkan potensi bagi perkhidmatan ini dijadikan <i>business case</i> di mana-mana negara yang berkeperluan melalui usahasama dan khidmat pemberi nasihat</p>	<p>Pendekatan bersama pihak Universiti Brunei Darussalam (UBD) selaku pengkaji bagi mendapatkan pengiktirafan bagi Perkhidmatan Talian Darussalam melalui penghasilan kertas kajian yang bertajuk "<i>Talian Darussalam 123: Brunei Darussalam's National Non- Emergency Call Centre</i>". Kertas kajian ini juga telah didaftarkan dan diterbitkan di dalam <i>ISBN Qualified Paper</i> dan <i>UBDSBE Journal of Business and Economic Analysis</i>.</p> <p>Kertas kajian ini juga telah dibentangkan sebagai <i>conference proceeding</i> di dalam persidangan <i>Annual Conferenc of Indonesian Association for Public Administration (IAPA 2019)</i></p>
11	Pengaktifan Akaun E-Darussalam Menggunakan Gambar Melalui TD123	Struktur Organisasi	<p>Bagi menangani penularan wabak COVID-19 di negara ini, kaunter-kaunter E-Darussalam di Jabatan dan agensi kerajaan telahpun ditutup. Pihak EGNC telah mengambil inisiatif melaksanakan pengaktifan akaun E-Darussalam menggunakan gambar melalui perkhidmatan TD123.</p> <p>Orang awam hanya perlu menghantar gambar mereka bersama kad pengenalan serta keterangan peribadi yang diperlukan melalui <i>Live Chat</i> TD123 atau emel TD123. Sebelum pengaktifan, persetujuan orang awam adalah diperlukan bagi akta deklarasi yang dimaklumkan oleh pihak EGNC.</p> <p>Dengan adanya pengaktifan ini, ianya akan dapat mengelakkan risiko jangkitan wabak COVID-19 dan juga memudahkan orang awam dan perniagaan yang menggunakan akaun E-Darussalam untuk terus membuat urusan secara atas talian.</p>	<p>Menubuhkan pengaktifan akaun E-Darussalam dengan hanya menghubungi Talian Darussalam 123 tanpa perlu mengunjungi kaunter perkhidmatan di jabatan dan agensi kerajaan dan memudahkan orang ramai.</p>